

# Kelangsungan Galeri Seni Komersil Di Malaysia:1960-1990

\*Mohd Jamil Mat Isa

College of Creative Arts, Universiti Teknologi MARA Shah Alam

jmi@uitm.edu.my

\*Corresponding author

Received: 27 June 2023, Accepted: 27 June 2023, Published: 1 September 2023

## ABSTRAK

Galeri seni komersil berperanan penting dalam proses perkembangan seni lukis negara melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan. Informasi dan data berkaitan dengan galeri seni komersil amatlah terhad terutamanya dalam bentuk penulisan ilmiah. Objektif kajian ini adalah untuk mengesan dan dokumentasikan secara kronologi penubuhan galeri seni komersil dan kegiatan yang telah dianjurkan dari era 1960an dan 1990an. Ianya merupakan faktor penyumbang kepada proses perkembangan seni lukis tempatan. Kaedah pengumpulan maklumat melalui pelbagai bahan penerbitan seperti keratan akhbar, buku, majalah dan katalog telah dijalankan. Bermula dengan empat buah galeri di era 1960an, ianya semakin berkembang. Terdapat beberapa galeri yang diusahakan oleh pelukis sendiri dan individu yang melihat industri ini berpotensi untuk maju. Usia perniagaan turut mempengaruhi landskap seni lukis tempatan. Terdapat beberapa galeri komersil yang kurang dari lima tahun pengoperasiannya. Kuala Lumpur masih menjadi lokasi pilihan pengusaha dan terdapat beberapa galeri komersil beroperasi di sekitar Lembah Kelang, Melaka dan Pulau Pinang. Sepanjang empat dekad terdapat 38 galeri seni komersil dikesan beroperasi dalam negara.

**Kata kunci:** Galeri Seni, komersil, pameran

## ABSTRACT

*Commercial art galleries are essential in developing national art through various organized activities. Information and data related to commercial art galleries could be more extensive, especially in the form of scientific writing. The objective of this study is to trace and document chronologically the establishment of commercial art galleries and the activities organized from the 1960s and 1990s. It is a contributing factor to the development process of local art. Information was collected through various publications such as newspaper clippings, books, magazines and catalogues. Starting with four galleries in the 1960s, it is growing. Several galleries are run by artists and individuals who see this industry as having the potential to progress. The age of business also influenced the local painting landscape. Some commercial galleries have less than five years of operation. Kuala Lumpur is still the location of choice for entrepreneurs, and several commercial galleries are operating around the Kelang Valley, Malacca and Penang. Over the past four decades, 38 commercial art galleries have been working in the country.*

**Keywords:** Art gallery, commercial, exhibition



eISSN: 2550-214X © 2023. Published for Idealogy Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1. PENGENALAN

Permulaan aktiviti kreatif tempatan dikesan di Pulau Pinang, sebelum berpindah ke Kuala Lumpur atas dasar pusat ekonomi dan pemerintahan kerajaan. Lembah Kelang sentiasa menjadi lokasi tumpuan

pengusaha galeri seni komersil dari masa ke semasa. Faktor persekitaran seperti terdapat beberapa institusi pendidikan yang menawarkan pengajian seni lukis dan pengumpul seni yang majoritinya berada di sekitar Lembah Kelang. Beberapa premis dalam lokasi strategik di sekitar Kuala Lumpur diaktifkan sebagai premis perniagaan seni lukis. Wisma Cosway di Jalan Raja Chulan oleh Art House Gallery. Bangunan AIA di Jalan Ampang pilihan Galeri Seni Samat. Jalan Raja Muda menjadi lokasi Galeri APS dan Jalan Pinang pula beroperasinya Galeri 11.

Galeri seni komersil tidak lagi tertumpu di pusat bandar yang semakin pesat dan padat dengan pelbagai aktiviti perniagaan dan pentadbiran. Daerah sekitar menjadi pilihan beberapa pengusaha untuk memajukan perniagaan mereka. Pulau Pinang masih kekal dengan aktiviti ini, Melaka juga menjadi pilihan atas faktor perlancongan.

Kajian ini mengesan dan mendokumentasikan penubuhan galeri seni komersil dan aktivitinya. Tempoh pengoperasian setiap galeri dan pameran yang dijayakan menjadi indikator kelangsungan perniagaan mereka.

## **2. KAJIAN LITERATUR**

Perniagaan ini berkait rapat dengan khalayak seni lukis iaitu pelukis dan pengumpul. Galeri seni komersil merupakan pengantara dua kelompok penting ini dalam strategi atau pelan perniagaan mereka. Aktiviti pameran tempatan dikesan seawal 1920an oleh Ooi Hwa di Pulau Pinang pada 1927. Pada 1934, Lee Cheng Yong mengadakan pamerannya di Bangunan Philomatic Union di Lebuh Acheh (MJ M Isa, 2022). Melihat kepada situasi ini, perlu disediakan platform yang lebih kondusif dan memberi pilihan kepada khalayak pelukis. Meneruskan aktiviti pameran dengan mengendalikannya sendiri di ruang awam atau menyerahkan kepada galeri seni komersil.

Keterbatasan bahan berbentuk penulisan ilmiah berkaitan dengan industri kreatif ini menjadi faktor utama kepada penyelidikan ini. Keujudan galeri seni komersil mula dikesan seawal era 1930an di Georgetown oleh pelukis perintis iaitu Galeri Seni Mun Sen dan Galeri Seni Yahoong. Pada awalnya pelukis-pelukis cat air memasarkan hasil karya mereka secara terbuka di kedai kopi, kaki lima kedai, kawasan tumpuan awam dan di tapak pesta (Mohd Jamil, 2017).

## **3. METODOLOGI KAJIAN**

Kaedah kualitatif digunapakai dalam kajian ini melalui kajian sekunder. Kajian sekunder khususnya berkaitan dengan kronologi penubuhan sesebuah galeri seni komersil melalui pelbagai bahan penerbitan. Informasi berdasarkan rujukan pelbagai penerbitan membantu penyelidik dalam proses membina kronologi penubuhan galeri-galeri seni komersil tempatan. Melalui sumber rujukan dokumen seperti katalog dan buku yang telah diterbitkan menjadi sandaran untuk mendapatkan fakta yang diperlukan. Keratan akhbar yang melaporkan aktiviti pameran juga membantu dalam mengesan dan menyusun secara kronologi. Biodata seseorang pelukis juga menjadi rujukan dalam usaha mengenalpasti kewujudan sesebuah galeri seni komersil di negara ini.

Kajian ini mengesan secara kronologi penubuhan galeri seni komersil mulai tahun 1960an sehingga 1990an di Malaysia. Galeri seni komersil berperanan penting dalam proses perkembangan seni lukis negara. Ianya melalui setiap aktiviti yang berkaitan dengan seni lukis seperti pameran dan sebagainya.

## **4. DAPATAN**

Kajian ini mengesan dan mendokumenkan sebanyak mungkin informasi dan data berkaitan galeri-galeri persendirian ketika era 1960an sehinggalah era 1990an. Sumbangan mereka terhadap perkembangan seni lukis tempatan tidak dapat dinafikan. Aktiviti pameran dan program-program iringan yang dianjurkan memberi impak yang tersendiri dalam proses perkembangan industri seni lukis tempatan. Kajian ini dibahagikan kepada empat era, iaitu 1960, 1970, 1980, dan 1990.

## 4.1 Era 1960an

### 4.1.1 Art House Gallery

Art House Gallery (1965) beroperasi di Jalan Raja Chulan diasaskan oleh Yiu Hong yang berasal dari China. Menumpukan kepada catan stail China, perabot, kraft dan antik dari China, Tibet dan Borneo. Art House Gallery turut aktif dalam menganjurkan pameran oleh pelukis tempatan dan dari China. Antaranya seperti *10 Sarawak Artists* (1978), James Tan Ann Huat (1980 dan 1981) Yong Chien Chin dan *Folklore, Calligraphy and Art* (1981), Nik Zainal Abidin (1982), *Huang Yao's Calligraphy and Painting* (1987), *Malaysian Creative Art Exhibition '88* (1988), Loh Yew Dong (1989).

Pada 1990, *Malaysian Lingnan Art Exhibition* dianjurkan dan mendapat sambutan yang baik. Lim Kim Hai juga mengadakan pamerannya pada 1992. Pada 1997 Art House Gallery menganjurkan *G15*, yang memperlihatkan catan China kontemporari oleh 15 pelukis China.

Perniagaan ini diperluaskan dengan membuka premis di Pasar Seni Kuala Lumpur yang menumpukan kepada produk kraf tempatan dan dari negara Asia.

### 4.1.2 Galeri Seni Samat

Frank Sullivan, Samat Silat dan beberapa rakan pelukis menubuhkan sebuah galeri seni komersil pada Jun 1966 di Jalan Ampang. Tujuannya untuk mempromosi seni lukis Malaysia ke peringkat antarabangsa.

Tay Mo Leong pelukis terawal berpameran pada 1966. Pada 1967, Dzulkifli Buyong mengadakan pamerannya yang mendapat sokongan kebawah DYMM Sultan Selangor ke 8, perkenan merasmikannya. Chew Teng Beng, Jolly Koh dan Lee Long Looi juga menjayakan pameran mereka pada tahun ini. Galeri Seni Samat berkolaborasi dengan Galaxy Gallery menganjurkan pameran Le Chek Wen.

Pameran seterusnya oleh Joseph Tan Chan Jin pada 1968 mempamerkan catan *Graffiti Series. Atelier 17* (1968) mengumpul sebanyak 40 cetakan gurisan dipamerkan (MAT ISA, Mohd Jamil, 2023). Jehan Chan Yee Hing dan Khalil Ibrahim juga mengadakan pameran mereka dan diikuti oleh Cheong Lai Tong dan Syed Ahmad Jamal.

Pada tahun berikutnya Lee Kian Seng mengambil ruang untuk pamerannya. Mohammed Hossein Enas, Khor Seow Hooi dan Chew Kiat Lim turut menjayakan pameran mereka, begitu juga dengan Jolly Koh.

Ketika Kuala Lumpur dilanda banjir besar (1970), Galeri Seni Samat menganjurkan pameran amal bagi membantu mangsa-mangsa banjir. Ahmad Khalid Yusof dan Nik Zainal Abidin, Khalil Ibrahim, Tan Tong dan Jehan Chan Yee Hing telah mengadakan pameran mereka pada tahun ini. Yap See Ken dan Catherine Koa Chong Hui Ying berganding untuk pameran bersama.

Lee Joo For, Le Chek Wen, telah mengadakan pameran mereka pada 1971, begitu juga dengan Nik Zainal Abidin.

*Dokumentasi 72: Recent Work by Sulaiman Esa and Redza Piyadasa* (1972), memulakan aktiviti pameran dan diikuti oleh Alun Leach-Jones dan Khalil Ibrahim.

Galeri Seni Samat telah menganjurkan pameran perseorangan kedua Kok Yew Puah pada 1973.

*Beautiful Malaysia* (1974) oleh Tew Nai Tong dan *Khoo Sui-Ho: Lukisan 1963-73* (1974) telah berlangsung pada 1974. Khalil Ibrahim menjayakan pamerannya pada tahun ini begitu juga dengan Ramsay Ong Liang Thong.

Raja Zahabuddin Raja Yaacob menjayakan *Foto-Grafik* (1975) dengan karya-karya fotomontajnya. *Atmospheres: Malaysia and Seychelles* (1975) merupakan pameran Micheal Adam. Syed Thajudeen Shaik Abu Talib turut sama mengadakan pamerannya.

Tan Tong dan Khalil Ibrahim kembali untuk mengadakan pameran mereka pada 1976.

Setelah pelbagai pameran secara berkumpulan dan perseorangan dijayakan hampir sepuluh tahun, perniagaan ini terpaksa berakhir pada 1977 kesan kemelesatan ekonomi dunia dan negara.

### 4.1.3 Galeri 11

Chan Voon Fee menubuhkan Galeri 11 pada 1966 di Jalan Pinang. Beliau telah mengubahsuai sebuah bangunan untuk dijadikan galeri dan ruang studio beberapa orang pelukis termasuklah Abdul Latiff Mohidin. Long Thien Shih juga telah menjayakan pamerannya pada 1966.

Penubuhannya disambut baik oleh khalayak seni lukis tempatan. Galeri 11 telah menganjurkan pameran berkumpulan pertamanya pada 1967. Ianya mendapat sambutan yang menggalakan.

Galeri 11 bukan sahaja mendapat perhatian dari pelukis tempatan, malah dari Eropah turut meraikan keujudannya. Amat mendukacitakan, Galeri 11 terpaksa mendiamkan diri setelah dua tahun beroperasi. Dawn Zain mengambil alih pengurusan Galeri 11 pada 1968. Satu pameran berkumpulan telah dianjurkan pada tahun ini.

Abdul Latiff Mohidin dan Cheong Lai Tong, telah mengadakan pameran mereka pada 1969.

Galeri 11 menganjurkan *Experiment '70* oleh Sulaiman Esa, Redza Piyadasa, Tan Tuck Kan, Choong Kam Kow, dan Tan Teong Eng. Kumpulan pelukis ini digelar sebagai *The New Scene*.

*Revisit* (1983), merupakan tajuk pameran Long Thien Shih.

Meskipun kurang persaingan pada ketika itu, usia Galeri 11 tidak panjang kerana terpaksa berakhir sekitar 1991/1992 atas alasan pembangunan dikawasan tersebut. Sumbangan Galeri 11 terhadap proses perkembangan seni lukis negara tidak boleh dinafikan. Aktiviti-aktiviti pameran yang dilaksanakan telah memberi kesan positif dalam proses perkembangan seni lukis tempatan.

### 4.1.4 Galeri APS

Beberapa orang ahli Angkatan Pelukis Semenanjung (APS) telah berusaha menubuhkan sebuah galeri untuk kemudahan ahli-ahlinya berpameran. Hasrat itu akhirnya terlaksana pada 1967 dan beroperasi di Jalan Raja Muda. Peringkat awal dikenali sebagai Dewan Seni Rupa yang diuruskan oleh Sabtu Yusof. Premis tersebut juga sebagai ruang studio di waktu malam. Aktif menganjurkan pameran bukan hanya dari kalangan ahli tetapi juga oleh pelukis-pelukis yang bukan ahlinya (MJ Mat Isa, 2018).

Galeri APS juga tidak panjang usianya apabila terpaksa berakhir setelah dua tahun beroperasi. Ianya telah mencatat sejarah yang tersendiri sebagai sebuah galeri seni yang dimiliki dan diusahakan oleh persatuan pelukis yang pertama di negara ini.

## 4.2 Era 1970an

### 4.2.1 Sum Art Gallery

Diasaskan oleh Anthony Sum Yap Hing pada 1972 di Kuala Lumpur. Beliau mengendalikan kelas catan dakwat Cina dan batik pada setiap hujung minggu di premis tersebut. Sharifah Zuriah Aljeffri antara pelajar beliau telah mengadakan pamerannya pada 1978. Setahun kemudian Lye Yau Fatt pula mengadakan pamerannya begitu juga Yuen Chee Ling.

Pada 1982, Anthony Chan Sai Weng mengadakan pamerannya. Pameran berkumpulan *One Plus One* (1982) juga telah dianjurkan. Pada tahun berikutnya, Lim Kung Chooi menyempurnakan pamerannya.

## 4.3 Era 1980an

### 4.3.1 Galeri Rupa

Diasaskan oleh Victor Chin pada 1982 di Kuala Lumpur untuk mempamerkan karyanya dan juga rakan-rakan pelukis. *Through Thai Windows and Doorways* (1982) dan *Symphony of Leaves* (1982) merupakan pameran perseorangan pertama dan kedua Eris Peris di galeri ini. Fung Yow Chork telah menjayakan pamerannya pada 1983.

*Common Variety* (1988) adalah pameran perseorangan Hari Ho, Askandar Unglehrt turut menjayakan pamerannya pada tahun ini.

Galeri Rupa mengakhiri operasinya pada tahun 1990 setelah Victor Chin mengambilkira sebagai pelukis sepenuh masa.

### 4.3.2 A. P. Art Gallery

Pasangan suami isteri Rahime Harun dan Zarina Ariffin bersepakat menubuhkan A. P. Art Gallery pada 1983. A. P. merujuk kepada "*art promoters*". A. P. Art Gallery beroperasi melalui beberapa rangkaian premisnya di sekitar Kuala Lumpur. Bermula di Hotel Hilton (1983). Premis lainnya seperti di Pasar Seni (1986), The Weld (1988), Wisma Damansara, Bukit Bintang Plaza serta di Merdeka Square. Balai Seni Lukis Negara dan di Bangunan Satelit KLIA, turut mempunyai premis A. P. Art Gallery.

Galeri utamanya di Taman Permata, sebelum berpindah ke Taman Melawati, Ulu Klang bersempena dengan kejayaan 10 tahun perniagaannya. Bangunan yang dilengkapi dengan studio cetakan gurihan asid dan bengkel bingkai gambar sebagai perlengkap kepada perniagaan yang diusahakan. Sebagai promoter, A. P. Art Gallery aktif mengurus dan menganjurkan pameran terutamanya untuk pelukis-pelukis muda yang berpotensi.

Loo Foh Sang telah menjayakan pamerannya di A. P. Art Gallery, Bukit Bintang Plaza pada 1977. Seterusnya Richard Wong Chin-Kim menjayakan *The Visual Poetry* (1989), antara pameran lain ialah oleh kumpulan Matahati.

Lima graduan Malaysian Institute of Art (MIA) telah mengadakan *Graphic Prints Exhibition by 5 Young Printmakers* (1990) di Bukit Bintang Plaza. Raja Azhar Idris juga mengadakan pamerannya pada tahun ini.

A. P. Art Gallery telah menganjurkan pameran Rafiee Abd. Ghani iaitu *Room of Flowers* (1993) di Carsora Seri Negara. A.P. Art Gallery meneruskan aktiviti perniagaannya dengan menganjurkan pelbagai pameran dari masa ke semasa.

### 4.3.3 Saujana Fine Arts

Redza Piyadasa seorang pelukis, pengkritik, dan sejarawan seni telah memenuhi impiannya untuk memiliki sebuah galeri komersil pada 1983 di Subang Jaya.

Ismail Zain, Ismail Hashim, Ruzaika Omar Basaree, Tay Hooi Keat, Fatimah Chik, Eric Don Peris, Zambri Embi, Lim Eng Hooi, Mazeli Mat Som, Zakaria Ali, Tay Mo Leong, Lai Fong Moi, Nirmala Shanmughalingham dan Redza Piyadasa merupakan pelukis yang diwakili oleh galeri ini.

Saujana Fine Arts telah memperkenalkan skim sewa beli, namun sambutannya amatlah mendukacitakan. Kerjasama dengan sebuah bank tempatan tidak berjaya. Tujuannya agar lebih ramai dapat membeli, memiliki dan mengumpul karya pelukis tempatan. Di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, Saujana Fine Arts berakhir pada 1987.

### 4.3.4 City Art Gallery

Sekitar pertengahan 1980an City Art Gallery ditubuhkan oleh Vincent Sim Tiak Choo bersama isterinya Mary Tang di Ampwalk. Bermula sebagai pembekal catan berus Cina dari negara China kepada galeri seni komersil tempatan. Setelah itu galeri ini turut mempamerkan catan moden oleh pelukis tempatan dan luar negara.

The City Art Gallery yang pertama mengiklankan perkhidmatan dan aktiviti dalam akhbar tempatan, terutamanya dalam The Malay Mail.

### 4.3.5 10 Kia Peng Art Craft & Design Centre

Ditubuhkan pada 1985 di Jalan Kia Peng. Pada tahun berikutnya 10 Kia Peng Art Craft & Design Centre menganjurkan pameran Nor Azhari Ahmad.

*10 Kia Peng Inaugural Exhibition* (1987), *Tan & Tan Development Exhibition* (1987), *Artist Collection* (1987), dan pameran Marie Dargent pada 1987. Pada tahun yang sama sekumpulan 15 graduan dari Jabatan Seni Halus, KSSR, ITM Shah Alam telah menjayakan *Vision 87* (1987).

Dua pameran telah dilaksanakan pada tahun berikutnya iaitu *Our Inner World-Four-Person Show* (1988) dan *Apple Series* (1988) oleh Kamaruddin Mansor.

John Heiser, pada awal 1990an telah mengadakan pamerannya. Pertengahan 1990an, galeri ini terpaksa ditamatkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

### 4.3.6 GaleriCitra

GaleriCitra hasil usaha Julinda Tay bersama Wong Mei Wan pada 1987 di Hotel Shangri-La. Tahun pertama GaleriCitra menganjurkan pameran oleh Sharifah Fatimah Syed Zubir, diikuti oleh Chang Fee Ming dan Chew Teng Beng.

*Digital Collage* (1988) oleh Ismail Zain bersempena dengan ulang tahun pertama GaleriCitra. Pameran ini memberi impak kepada seni cetak tempatan, ianya penting dalam sejarah dan proses perkembangan seni lukis moden Malaysia.

*Yusof Ghani Paintings Drawings and Installation Works* (1989) merupakan pameran pertamanya di Malaysia bersempena dengan ulang tahun kedua GaleriCitra.

Pada 1990, Eng Tay mengadakan pamerannya dituruti oleh *Joint-Exhibition of Painting* (1990) oleh Mohd. Nasir Baharuddin dan Mohd. Fauzin Mustaffa. Chew Teng Beng dan Sharifah Fatimah Syed Zubir kembali mengadakan pameran mereka yang kedua.

*Muhibbah 12 for Bandung* (1991) disertai oleh Sharifah Fatimah Syed Zubir, Juhari Said, Lye Yau Fatt, Ismail Abdul Latiff dan Khalil Ibrahim. Shih-Wen Chiang telah menjayakan pamerannya yang pertama. Fauzan Omar dan Norma Abbas telah menjayakan *Chapter Two* (1991), Shih-Wen Naphaporn juga mengadakan pamerannya tahun ini.

*Impressions Contact in Print* (1992) mengumpulkan 13 pelukis tempatan bersama 27 pelukis Perancis. *Malaysia Image in Oil* (1992) adalah pameran Tew Nai Tong pada tahun ini.

*Topeng I* (1993) oleh Yusof Ghani diadakan pada tahun yang berikutnya. *Exotic Tropicals* (1994) oleh Chang Fee Ming dan diikuti oleh Eng Tay.

Yusof Ghani kembali dengan *Topeng II* (1995) begitu juga Norma Abbas turut mengadakan pamerannya. Yong Chien Chin menyempurnakan pamerannya dari siri *Terracotta Warriors* dan *Legend of The Stones*.

Sharifah Fatimah Syed Zubir telah mengadakan *Touch the Earth II* (1996). Pada tahun ini juga Fauzan Omar dan Norma Abbas menjayakan pameran bersama mereka. *Portraits of Terengganu* (1996) merupakan pameran ketiga Chang Fee Ming di GaleriCitra.

Chong Choon Kim merealisasikan *Figuration Critique II* (1997). Eng Tay kembali untuk pamerannya yang ketiga di GaleriCitra pada tahun ini.

*8 Artists* (1998) merupakan pameran berkumpulan dan Jane Corsellis juga diberi ruang untuk pamerannya pada tahun ini.

*99 Names of Allah* (1999) merujuk kepada tajuk pameran kedua Norma Abbas dengan mempamerkan karya-karya bertemakan ketuhanan.

#### **4.3.7 E'land Art & Tea House**

Pada 1987, Rosalyn Teah memulakan perniagaan galerinya dengan menganjurkan pameran bersama Chung Chen Sun. Sepertimana galeri komersil lain, galeri ini juga menganjurkan pelbagai pameran berkumpulan antaranya oleh Penang Artists Association (PAA).

E'land Art & Tea House telah menempatkan namanya sebagai salah satu galeri seni komersil yang telah memberikan sumbangan dalam proses perkembangan seni lukis negara. Meskipun keujudannya hanya untuk tempoh yang singkat.

#### **4.3.8 GaleriWan**

Wong Mei Wan merupakan pengasas dan pemilik GaleriWan yang memulakan operasinya di City Square pada 1988.

*Maya* (1990) mengumpulkan enam sahabat berbakat besar, pameran ini telah dirasmikan oleh Syed Ahmad Jamal. *2nd Chapter* (1990) merupakan pameran kedua Chang Fee Ming. Ilse Noor menjayakan retrospektifnya dengan kerjasama diantara GaleriWan dengan Goethe Institute.

Cheong Laitong menjayakan pamerannya pada 1991. *Halcyon Days I* (1991) merupakan pameran oleh Chin Kon Yit. GaleriWan mendapat sokongan dari Deutsche Bank untuk menjayakan pameran Nik Abdul Aziz Nik Mohamad. GaleriWan dan HongkongBank menganjurkan pertandingan catan cat

air bertemakan *Natural Malaysia* pada tahun ini. Pada tahun yang sama juga, Cheong Lai Tong telah menjayakan pamerannya.

GaleriWan berpindah ke Jalan Binjai pada 1992. Yusof Ghani mengadakan *Works on Paper* (1992) lanjutan dari *Siri Tari*. Setelah itu Jolly Koh pula menyempurnakan pamerannya pada tahun ini.

*Halcyon* (1993) merupakan pameran kedua Chin Kon Yit. *What About Converging Extremes?* (1993), adalah pameran arca, instalasi dan persembahan oleh Bayu Utomo Radjikin, Marion D'Cruz, Chai Chang Hwang, Raja Shahrman Raja Aziddin, Simryn Gill dan Wong Hoy Cheong. Cheung Pooi Yip juga menerima giliran untuk pamerannya pada tahun ini.

*Made by Hand* oleh 35 pelukis tempatan mempamerkan karya-karya seramik, cat air, kayu, fabrik, epoxy dan logam. GaleriWan mengumpulkan beberapa pelukis untuk *Earthworks: An Artist Perspective* (1994). Jolly Koh kembali untuk mengadakan pamerannya yang kedua bersama GaleriWan. Siti Jamilah Samirin mengadakan pamerannya yang pertama di GaleriWan pada 1994. Sebagai sokongan kepada "Hari AIDS Sedunia", GaleriWan dan Yayasan AIDS Malaysia menganjurkan *Positively A Life* (1994).

Chin Kon Yit terus mendapat ruang untuk pamerannya iaitu *Halcyon III* (1995). *From Silat to Sarawak, From Oundle to Eastern Skies* (1995) merujuk kepada pameran bersama oleh Waveney Jenkins dan Michael Aubrey. Cheong Lai Tong kembali untuk pamerannya yang kedua pada tahun ini.

Mulai Mei 1996 hingga Oktober 1997, GaleriWan membuka premis baharunya di Bangsar Baru dan menumpukan kepada karya bersaiz kecil dan juga "artis merchanising". Shih-Wen Naphaporn telah menjayakan pamerannya pada tahun ini. Galeriwan menganjurkan pameran oleh ahli-ahli Wednesday Art Group iaitu *Then and Now* (1996). *Periphery* (1996) merupakan pameran kolaborasi sebelas pelukis dan seorang "performing artist". Chiang Shih Wen mendapat ruang untuk pamerannya pada tahun ini di Galeriwan Jalan Binjai.

Pada 1997, *Crates Classified* telah berlangsung di premis Jalan Binjai. Sebagai penghargaan terhadap sumbangannya dalam membantu perkembangan seni lukis tempatan, GaleriWan telah menganjurkan *Peter Harris Retrospective* (1997). Bayu Utomo Radjikin, telah menjayakan pamerannya yang kedua iaitu *Bayu Utomo Radjikin* (1997). Pameran ini berlangsung di GaleriWan Bangsar. Begitu juga dengan Cheong Laitong menjayakan *Voices of Nature* (1997).

*Footprints-line of Continuity* (1998) mempamerkan sebanyak 66 karya dalam pelbagai tema, stail dan saiz oleh pelukis-pelukis tempatan. *KL-A Sketch Book* (1998) merupakan pameran Chin Kon Yit.

Premis di Jalan Binjai terpaksa ditutup, GaleriWan meneruskan operasinya di Jalan Yap Kwan Seng. Musibah banjir yang agak luarbiasa telah berlaku di sekitar Kuala Lumpur pada 28 Mac 1999, termasuklah Jalan Yap Kwan Seng. Banjir setinggi 1.2 meter itu mengakibatkan 70 peratus karya telah musnah. Pada ketika itu GaleriWan sedang mempamerkan karya-karya Ivan Lam (Ooi Kok Chuen,.....). *Out of Flood* dilaksanakan sebagai satu pameran yang memperingati peristiwa tersebut.

#### 4.3.9 JE Art & Craft Centre

Kesepakatan dua sahabat berjaya menubuhkan JE Art & Craft Centre pada 1989. Lokasi pilihan Jenny Wong Yin dan Elizabeth Sng Gek Sim ialah di Jalan Tun Razak. Jenny Wong Yin berpengalaman dalam pengurusan galeri seni juga pelukis berus China. Elizabeth Sng Gek Sim pula pernah berkhidmat dengan firma akauntan antarabangsa.

Pelukis yang diwakili JE Art & Craft Centre ialah Jehan Chan, Chia Hoy Sia dan Chin Kon Yit. Antara pameran yang telah dianjurkan oleh JE Art & Craft Centre ialah *Fruitful Living* (1989).



Richard Wong Chin-Kim telah menjayakan pamerannya iaitu *Nature Fantasy* (1997). *Snow Passion* (1998) pula pada tahun berikutnya dan diteruskan dengan *Lyrical Abstractionism – Richard Wong Millennium Mindscape* (1999).

#### 4.3.10 The Art Gallery

The Art Gallery, Pulau Pinang diasaskan oleh Tan Chee Khuan dan isterinya. Premis galeri dibuka secara rasminya pada 1989 di Jalan Gottlieb. Penerbitan yang berkaitan dengan seni lukis tempatan juga menjadi strategi perniagaan mereka. Memulakan perniagaan dengan mempromosikan catan-catan berus China.

Enam tahun kemudian The Art Gallery berpindah ke Jalan Burma. Setahun kemudian, mereka membuka ruang baharu di tingkat dua. Sebanyak 12 hingga 15 siri pameran telah mereka anjurkan setiap tahun.

The Art Gallery dikenali dengan mempromosi dan mengumpul karya-karya pelukis perintis seperti Yong Mun Sen, Kuo Ju Ping, Khaw Sia, Abdullah Ariff, Chuah Thean Teng dan Mohammed Hoessein Enas. Cheah Thien Song menjayakan pamerannya pada 1991 begitu juga dengan Loh Yew Dong, Ong Soo Keat dan Yeo Hoe Koon.

*Tan Choon Ghee Retrospective (1957-1992)*, memperlihatkan koleksi tahun 1957 hingga 1992. Tew Nai Tong juga mendapat kepercayaan untuk menjayakan *Malaysia Image in Oil* (1992). Choo Beng Teong turut mendapat gilirannya. *Floral Watercolour Artistry* (1992) menjadi judul pameran Teh Siew Joo.

*Pelukis-Pelukis Perintis Malaysia* (1992) merupakan tajuk pameran dan penerbitan oleh The Art Gallery dan Lembaga Muzium Negeri bersempena dengan Perayaan Hari Kelahiran T.Y.T. Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri (Dr) Haji Hamdan bin Sheikh Tahir. Seramai 12 orang pelukis dari kumpulan perintis telah digabungkan.

Cheah Ewe Hoon, juga mendapat ruang untuk pamerannya pada 1993. *New Life 2* (1993) merupakan pameran Heng Eow Lin. Pengasas Utara Art Group, Lim Kung Choi juga menyempurnakan pamerannya pada tahun ini.

Khor Ean Ghee telah menjayakan *Watercolours of Penang by Khor Ean Ghee* pada 1994, diikuti oleh Neoh Chin Boon dengan *Wings of Colour* (1994). Teh Siew Joo kembali dengan *Rhapsody in Bloom*. Yee Sze Fook, turut sama mengadakan pamerannya.

The Art Gallery telah menganjurkan pameran *Retrospektif Lee Joo For* (1995). *Rural Harmony* (1995) oleh Loh Ek Sem. Long Thien Shih melaksanakan *Paris D'Amour* (1995) begitu juga dengan T. Selvaratnam.

The Art Gallery menganjurkan *Ho Khay Beng Memorial Exhibition* (1996), *Brave New Art* (1996) oleh Zulkifli Yusoff, Chai Chuan Jin, Choo Beng Teong dan Lee Joo For juga mendapat tempat untuk pameran mereka. *Lee Cheng Yong Retrospective* (1996) pula diadakan di Galeri Seni Pulau Pinang.

Sebanyak enam pameran telah dianjurkan pada 1997, iaitu *Ahmad & Jibul* (1997) oleh Zulkifli Yusoff, *Lee Long Looi Retrospective* (1997), *Chia Yu Chian Memorial Exhibition* (1997), Lee Joo For, Chew Kiat Lim, dan Ng Hon Loong.

Lima pameran perseorangan pada 1998 iaitu *Journeys* (1998) oleh Eric Quah, seterusnya oleh Askandar Unglehart, James Sum Kin Hing, Fung Yow Chork dan Tan Kuan Aw. *Wildlife Art Exhibition* merupakan pameran berkumpulan.

*Memorial Exhibition* (1999) merupakan penghargaan kepada Hossein Enas. Pameran perseorangan pula seperti *The Art of Lee Joo For* (1999), *Aquatic Wonderland* (1999) oleh Yeap Tho Seng, *Memory of Penang* (1999) oleh Yee Mook Sin dan juga Chong Hon Fatt. Zakaria Ali turut mendapat peluang untuk pameran retrospektif dengan judul *Dr Zakaria Ali Retrospective 1971-1999*.

## **4.4 1990s Era**

### **4.4.1 Artfolio Gallery**

Hoe Say Yong bersama isterinya telah mengasaskan Artfolio Gallery pada 1990 bermula di City Square, Kuala Lumpur.

*Malaysia Impressions* (1996), *Karyawan Seni Johor* (1996) dan *Resonance of 3 Voices* (1996) melengkapkan siri pameran Art Folio dalam tahun 1996.

Artfolio Gallery terus berkembang dari segi saiz dan kedudukannya sejak beroperasi di City Square, Avenue K dan seterusnya di Pusat Perniagaan Jelatek. Pelbagai siri pameran oleh pelukis-pelukis tempatan telah dianjurkan. Pada 1999, Sharifah Fatimah Syed Zubir telah diberi kepercayaan untuk mengadakan pamerannya.

### **4.4.2 Art Accent Sdn. Bhd.**

Bermula sebagai penjual bingkai dan reproduksi karya pelukis luar negara, Art Accent Sdn. Bhd. diasaskan oleh Margaret Lim mula beroperasi pada 1990 di Damansara.

Antara pameran anjurannya ialah *Affordable Art Fairs Singapore* (2014), *Eng Tay Works from 2005-2015* (2015), *X-Individuals 02* (2015), *Sensibility Excursion* (2016) oleh Jansen Chow, *Art Showcase* (2018), *Glorious Symphony* (2018) oleh Soh Boon Kiong dan pelbagai pameran berkumpulan dan perseorangan.

Ismail Abd. Latiff, Eng Tay, Azman Hilmi, Eng Chi Ling, Ting Cho Chien antara pelukis-pelukis yang diraikan oleh Art Accent Sdn. Bhd. Perniagaan ini terpaksa berakhir pada sekitar pertengahan tahun 2020 setelah berpindah milik. Premis terakhirnya ialah Bangsar Baru.

### **4.4.3 Kampungku Art Collection**

Menikmati karya-karya yang dipamerkan sambil menghirup secawan teh adalah konsep yang diperkenalkan oleh Hiew Yee Choy dan Chin Sew Moy. Lokasinya ialah Bangunan Selangor-Pahang Rubber Traders Association di Kuala Lumpur. Pameran 40 pelukis tempatan dengan 50 karya merupakan majlis perasmian Kampungku Art Collection pada 8 September 1991.

*Hijau* (1992) merupakan pameran jemputan anjuran Kampungku Art Collection. Galeri ini meneruskan operasinya untuk beberapa tahun lagi dalam usaha untuk memeriahkan lanskap dan suasana seni lukis negara.

### **4.4.4 Room at the Top**

Selain dari sekitar pusat bandaraya Kuala Lumpur yang menjadi pilihan pemilik galeri seni, Taman Tun Dr. Ismail pula menjadi pilihan pemilik Room at the Top pada 1991.

Room at the Top telah menganjurkan pameran pertamanya iaitu *33 Years After* yang merujuk kepada ulang tahun kemerdekaan negara. Mengumpulkan seramai 33 pelukis dari tiga generasi. Sebanyak 66 karya telah dipamerkan di Hotel Regent Kuala Lumpur.

*Original Sketches and Preliminary Works* (1992) adalah pameran yang dijayakan pada 1992. *Ratt-Help Art Exhibition* (1992) adalah tajaan bersama Institute HELP menampilkan lebih dari 40 pelukis tempatan, sembilan (Singapura), tiga (Australia) dan seorang pelukis dari Ireland.

Heng Eow Lin meraikan tahun 1993 dengan *Lin and Things* pamerannya yang keempat. Usaha pemilik galeri ini iaitu Zahari Zain dan isterinya Nuraini Manaf serta Heng Eow Choon untuk memeriahkan lagi suasana seni lukis negara dengan mengasaskan galeri ini harus dihargai meskipun usianya tidak berpanjangan.

#### **4.4.5 Klang Art Gallery**

Diusahakan oleh Kenny T. H. Tan dan Gary Chin pada Januari 1992 di Klang sebagai lokasi perniagaan mereka. Ruang yang terhad (92 meter persegi) disesuaikan untuk pameran berskala kecil. Pada 1992, Klang Art Gallery telah menganjurkan pameran miniatur, ianya merupakan pameran yang ketiga dianjurkan. Seramai 30 pelukis telah mengambil bahagian dengan mempamerkan karya-karya berskala kecil.

#### **4.4.6 Rainbow Art Gallery**

Lokasinya ialah di Wisma Yeap Chor Ee di Pengkalan Weld, Georgetown yang merupakan sebuah bangunan bercirikan rekabentuk kolonial.

Pada 23 Mac 1992, Rainbow Art Gallery telah menjayakan pameran oleh lima pelukis tempatan iaitu Chia Tick Chiam, Chooi Yew Seng, Ch'ng Swee Guan, Chah Kok Kheong dan Rosalynn Teoh.

#### **4.4.7 Art Salon Sdn. Bhd.**

Art Salon beroperasi di Bangsar Baru pada 1992. Diasaskan dan dimiliki oleh pasangan Spencer Wing bersama isterinya Celia Yap.

Art Salon aktif menganjurkan pelbagai pameran perseorangan dan juga berkumpul oleh pelukis-pelukis tempatan dari pelbagai generasi. Penganjuran pertandingan seni lukis bersama agensi lain juga turut menjadi aktiviti galeri ini. Pada April 1992, Art Salon mula membuka pintunya dengan mempamerkan karya-karya reproduksi pelukis-pelukis terkenal Eropah. *Recent Works* (1992) memaparkan karya-karya catan Tajuddin Ismail.

*Nine Years On* (1993) merupakan pameran Ismail Abdul Latiff, yang pertama bersama Art Salon. Art Salon menganjurkan *First 12 Months* (1993) oleh 7 orang pelukis kontemporari bersempena dengan ulang tahun pertama, dan Dato' Sabbaruddin Chik merasmikannya.

Berkolaborasi dengan Galeri PETRONAS, Art Salon menganjurkan *Malaysian Art '93* (1993) oleh 16 orang pelukis yang berlangsung di Galeri PETRONAS, Kompleks Dayabumi.

Art Salon dan Galeri PETRONAS menganjurkan *Malaysian Art Open '94*. Sebanyak 691 penyertaan telah diterima dari 361 pelukis dibawah usia 35 tahun. Rafiee Abd. Ghani telah mengadakan pamerannya iaitu *Oriental Afternoon. Dari Bumi, Ke Bumi* oleh Mohd. Fauzin Mustaffa dengan stailnya yang tersendiri yang merujuk kepada alam sebagai subjek. Lee Weng Fatt, juga mendapat peluang untuk pamerannya iaitu *Harng Kai/Jalan-Jalan* (1994).

Tajuddin Ismail kembali mempersembahkan *Unfold* (1995) sebagai pembuka tirai aktiviti pameran tahun 1995 di Art Salon. Satu-satunya pameran seni cetak perseorangan dalam sejarah penubuhan Art Salon ialah *Kilimanjaro in Nagasaki* (1995) oleh Juhari Said. *In Deep Thoughts, the Silent World* (1995) pula adalah pameran Yuen Chee Ling. Selepas itu, Choh Kiat Siong pula menjayakan *Street to Street, Kampong to Kampong* (1996).

Jansen Chow juga telah diberi peluang untuk mengadakan pamerannya iaitu *Touching The Light* (1997) Pada tahun ini juga Loh Ek Sem mengadakan *Kampung Ady ll* (1997).

Jack Ting Mui Chi menjayakan *Ceremonies* (1998) dan Ahmad Shukri Mohammed meneruskan pamerannya dengan *939495969798* (1998). *Program 1998 Bangsar Street Carnival*, Art Salon telah menerima kunjungan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada 1999, Art Salon menganjurkan pameran Tew Nai Tong iaitu *From Paris to KL* (1999) dan Eric Quah menjayakan *To the New Millennium* (1999).

#### **4.4.8 ArtCase Galleries**

Diasaskan oleh Raja Azhar Raja Idris bersama isterinya, Shahimah Idris pada 1993 di City Square. Sepertimana galeri komersil yang lain, ArtCase Galleries mewakili pelukis ternama dan pelukis muda. Pelbagai pameran perseorangan dan berkumpulan dilaksanakan.

*Creative Hands* dan *Mini Retrospective* (1993) oleh Raja Azhar Idris diadakan pada tahun pertama pengoperasiannya. *Naive Painting* oleh Yusof Gajah. *Prolific Diversities* adalah pameran pemilik galeri ini pada 1994.

*Forms ... Shape & Contours* adalah pameran kesembilan Raja Azhar Idris. Pameran berkumpulan *Distinctive Flair* dan *Home to A J Rahman* merupakan pameran perseorangan khas untuk beliau telah diadakan pada 1996.

Pada 1997, *Gerakan, Mirror - Mirror on the Mirror* telah dianjurkan. *A Question of Balance* merupakan pameran oleh Latif Maulan. *Movement* oleh Ahmad Zakii Anwar. *Pameran Cetakan* dan *Miniature* juga telah dianjurkan pada tahun ini.

Pada 1998, tiga pameran berkumpulan telah diadakan iaitu *Culture Colour Connection & Keeping Pace, Just Drawings LAH* dan *Miniaturization*.

1999 *Miniaturization, The Art of Printmaking* mengumpulkan pelukis Malaysia, Jerman, Perancis, Jepun dan Australia. Sebanyak 55 cetakan dalam pelbagai teknik, stail dan saiz telah dipamerkan. *Cahaya dan Biasan/Light and Reflection: An Exhibition of Contemporary Malaysian Art* telah dijayakan pada 1999.

#### **4.4.9 Galeri Art Point**

Beroperasi di Gelugor, Pulau Pinang diusahakan oleh Yuen Chee Ling dan suaminya Yeong Seak Ling. Mulai 1993 Galeri Art Point aktif menganjurkan pameran antarabangsa iaitu *Her Presence in Colours*. Satu lagi pameran tahunan anjurannya ialah *CFA Group Exhibition* untuk beberapa tahun.

*Penang-The Artists' Paradise* (1998) dan *Enchanting Penang II* (1999) antara pameran yang dianjurkan. Selain menganjurkan pameran, galeri ini juga menawarkan aktiviti lain yang berkaitan dengan seni lukis.

#### **4.4.10 Elm Quay Fine Arts**

Elm Quay Fine Arts ditubuhkan oleh Y. M. Raja Ihsan Shah di Kenny Hills pada 1993 sebelum beroperasi di MiCasa Shoppes.

Elm Quay Fine Arts mempamerkan karya-karya pelukis tempatan dan juga dari luar negara. Eric Don Peris dan Ismail Hashim menjayakan *The Good Years* (1996) adalah pameran bersama mereka di Elm Quay Fine Arts.

*HRH Sultan Ismail's August 1957 Collection* (1998) merupakan pameran koleksi fotografi DYMM Almarhum Sultan Ismail Nasiruddin Shah yang baginda rakamkan sepanjang Ogos 1957. Pameran ini berlangsung di Radisson Hotel pada 1998.

Suzlee Ibrahim diberi peluang untuk pamerannya yang kedua iaitu *Notion of Gesture* (1999). Zao Wou-Ki telah mengadakan *Works on Paper* (1999). *Topeng Unveils* (1999) pameran pertama Yusof Ghani bersama Elm Quay.

#### **4.4.11 Anugerah Gallery Sdn Bhd**

Bertempat di Ampang, galeri ini memulakan perniagaannya pada 1995 oleh Ferri Anugerah Makmur.

Pameran sulong yang telah dianjurkan ialah *Pameran Lukisan Anugerah Dunia Mahathir* bersempena dengan Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Anugerah Gallery Sdn. Bhd. juga turut sama menganjurkan pameran berskala kecil bersempena dengan *Pameran Maritime dan Udara Antarabangsa Langkawi* (LIMA) 1997 di Langkawi.

#### **4.4.12 Taksu Kuala Lumpur**

Pada 1994 Suherwan Abu bersama Alan Wong mengambil keputusan untuk membuka premis baharu di Kuala Lumpur bersama Tunku Nina Mansur. Beroperasi di Jalan Pawang, Taksu Kuala Lumpur aktif menganjurkan pelbagai pameran oleh pelukis tempatan dan luar negara.

Pada 1995, Drew Harris, mengadakan pamerannya yang pertama di Taksu Kuala Lumpur.

*Life Form* (1996) oleh Jalaini Abu Hassan dengan lukisan arang mampat dengan subjek natural dirakam menjadi dialog tampak.

Drew Harris kembali mengadakan pamerannya pada 1997.

*Re-Found Object* (1998) adalah pameran kedua Jalaini Abu Hassan di Taksu Kuala Lumpur. Pameran seterusnya ialah oleh Ilse Noor. Sejumlah karya-karya cetakan intaglio hitam putih dan sepia berjaya dipamerkan. Pameran ini telah mendapat perkenan kebawah DYMM Raja Muda Selangor, Sultan Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj.

Bersempena dengan Sukan Komenwell di Kuala Lumpur, Taksu Kuala Lumpur turut menganjurkan *Commonwealth Games Group Show* (1998).

Pada tahun berikutnya, Taksu Kuala Lumpur terus menganjurkan pameran Jalaini Abu Hassan. Ahmad Zakii Anwar, Valeriu Sepi dan G. Sampson Bieberich disatukan dalam *3 Person Show* (1999). Patrick Loste menjayakan pamerannya di Taksu Kuala Lumpur pada tahun ini.

#### **4.4.13 Pelita Hati Gallery of Art**

Ditubuhkan pada 1995 oleh dua sahabat karib iaitu Tengku Elina dan Eng Lam. Sebuah bungalow satu tingkat di Persiaran Titiwangsa 3 merupakan premis pertamanya.

*Part of the Whole* (1995) merupakan pameran karya-karya instalasi oleh Chumpson Apisuk (Thailand), Amanda Heng (Singapura) dan Paul Schock (Amerika Syarikat).

*Stories* (1995) merupakan pameran pembukaan Pelita Hati Gallery of Art pada 1995. Tiga pelukis muda yang giat menghasilkan karya-karya cetakan iaitu Jamil Mat Isa, Jack Ting Mui Chi dan Mohd Azhar Mat Ali bergabung kreativiti dalam pameran *Step by Step* (1995).

Mengakhiri tahun pertamanya, Pelita Hati Gallery of Art mempersembahkan *Fresh Faces* (1995). 20 pelukis-pelukis muda yang baru sahaja menamatkan pengajian di ITM, MIA dan KLCA mempamerkan karya-karya catan, cetakan, seramik dan arca dalam pelbagai tema dan stail.

*Belawing and the Great Mamat* (1996) adalah pameran pertama Kelvin Chap Kok Leong mempersembahkan karya-karya bertemakan budaya Borneo. Raja Shahrman Raja Aziddin memperagakan arca dalam *Gerak Tempur* (1996). Din Omar dan Chee Sek Thim bergabung menayakan *Pameran Berkembar* (1996). Catan dan seramik dipersembahkan dalam *Heaven & Earth* (1996) oleh Khoo Boon Want. Pelita Hati Gallery of Art terus menayakan pameran *Minang* (1996) oleh Salwa Ayob. Matahati-Garden of Art menayakan *Seeing the Unseen* (1996), seterusnya Cheah Ewe Hon menayakan *How I Feel about Solitude* (1996).

Syed Thajudeen Shaik Abu Talib membuka tahun 1997 dengan *Painting on Love* (1997). Seterusnya *8 Man Show* (1997), *Elok Bestari Santapan Dimata Nyata Pasti Tersusuk Dijiwa, Alunan Seni Mahligai Dikalbu* (1997) oleh 23 pelukis ternama tempatan semenjak 1940an hingga 1990an. Liu Cheng Thak menayakan *As I Was Passing* (1997). Tujuh pelukis menayakan *Bisikan Hati* (1997) bersempena dengan ulangtahun kedua Pelita Hati Gallery of Art. *Family Home & Hope* oleh Yau Bee Ling dan Chan Thim Choy. Syed Thajudeen Shaik Abu Talib dan Tan Bee Him menayakan *The Place* (1997). Khalil Ibrahim, Sharifah Fatimah Syed Zubir, Ilse Noor, Ismail Abdul Latiff, Juhari Said dan Raja Shahrman Raja Aziddin mengakhiri tahun ini dengan *Risalah Dari Malaysia* (1997) di Hilton Galleries, Kuala Lumpur. *Idea #9* (1997) oleh Kelvin Chap Kok Leong di Pelita Hati Gallery of Art pada tahun ini.

*Coming Together* (1998) oleh 23 pelukis muda membuka tirai tahun 1998. Hamidi Abd. Hadi, Hir Haniff Mahat, Husnaidi Abd Hamid dan Nasaruddin Ahmad bersempakat untuk menayakan *Penglipur Lara* (1998). Raja Shahrman Raja Aziddin menayakan *Api Bayangan dan Kemenyan* (1998). Siti Jamila Samirin juga mendapat ruang untuk *Domestication of the Free Spirit* (1998). *Dusun* (1998) oleh Abu Bakar Idris dan *Pameran Seni Khat* (1998) oleh pelukis seni khat tempatan mengakhiri tahun 1998.

Pada 1999, Pelita Hati Gallery of Art berpindah ke Lucky Garden, Bangsar. Pelita Hati Gallery of Art telah menganjurkan *Children Art Competition* (1999). *Artistic Souls* (1999) adalah tajuk kepada pameran oleh pelukis-pelukis muda dari beberapa institusi seni lukis tempatan yang mendapat sokongan Tongkah Holdings Berhad.

Penglibatan syarikat-syarikat korporat dalam aktiviti pameran sedikit sebanyak memberi impak kepada industri seni ini.

#### 4.4.14 NN Gallery

Dua saudara bersempakat menubuhkan sebuah galeri seni komersil pada 1996. Syed Nabil Syed Nahar dan kakaknya Sharifah Nor Akmar Syed Nahar telah menubuhkan NN Gallery. Memilih premis di Jalan Kampung, sebelum ke Taman Ampang Hilir, Ampang.

Fong Kim Sing memulakan tahun 1996 di NN Gallery dengan *Mistry Morning* (1996), Zulkifli Yusoff dengan *Power* (1996). Zheng Yuande dengan *Glimses of Chinese Opera* (1996) dan diikuti oleh Anthony Chan Sai Weng dengan *Nature's Rhapsody* (1996). Walter Lam mengakhiri tahun 1996 dengan *Satellites & Stars* (1996).

Long Thien Shih memulakan tahun 1997 dengan *A Private View* (1997). Tan Chin Kuan menayakan pameran pertamanya iaitu *Tan Chin Kuan (1987-1997). Inside (Project Germany)*

merupakan pameran yang menyertai *International Culture Project "INSIDE: The Field between the Sources and Contemporary Aspiration of Culture"* di Kassel, Jerman. *Joy is the Theme* (1997) oleh Sharifah Fatimah Syed Zubir. Seterusnya *Island View-World View* yang disertai oleh 12 pelukis Pulau Pinang. Jolly Koh juga telah menjayakan *A View of the Mountains* (1997). Zulkifli Yusoff kembali dengan *After Venice* (1997).

Pada 1998, NN Gallery menganjurkan *Shanhur-Mountains & Rivers* (1998) oleh Cheong Laitong. NN Gallery bersama WWF Malaysia telah menganjurkan *Art for Nature* (1998). Ahmad Fuad Othman telah menyempurnakan pamerannya dengan memperlihatkan karya-karya dari tahun 1994 hingga 1998. *Space Bar Installation* oleh Yee I-Lan pada tahun ini. *Misty Fields* pula oleh Fong Kim Sing.

NN Gallery kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) tuntut mengadakan *B.Ed Show I '99*. Zheng Yuande kembali dengan *Silhouettes* dan Fong Kim Sing dengan *Misty Fields. Seasons* (1999), oleh Alex Ong Boon Hau dan Koay Soo Kau pula menjayakan *Metamorphosis II* (1999). Angkatan Pelukis Kedah (APK) mengakhiri aktiviti pameran di NN Gallery dengan pameran amal *Sari Warna* (1999) dan Zheng Yuande dengan *Uncoloured Path* (1999).

#### 4.4.15 Valentine Willey Fine Art

Valentine Willie Fine Art (VWFA) diasaskan pada 1996 oleh Valentine Willie bersama Mee-Seen Loong. Pada Mac 1997, VWFA bermula di Bangsar Baru. VWFA telah menganjurkan beberapa siri pameran oleh pelukis tempatan dan juga luar negara.

*Of Migrants and Rubber Trees: An Exhibition of Drawing and Installations by Wong Hoy Cheong* (1996) dan *Contemporary Body* (1996), pameran bertemakan figura oleh pelukis Singapura, Filipina dan Malaysia dilaksanakan.

*Re-GRUP – 30 Years On* (1997), sebuah pameran kolektif berkenaan perkembangan tujuh pelukis abstrak ekspresionis Malaysia diadakan. *ASEAN Masterworks*, mengumpulkan pelbagai karya-karya signifikan negara ASEAN telah dijayakan oleh VWFA berkolaborasi bersama Balai Seni Lukis Negara dan Yayasan Al-Bukhari. Pada 1997, VWFA menganjurkan pameran Ahmad Zakii Anwar, Yusof Majid, Iskandar Unglehrt, Yee I-Lann dan Kamal Sabran.

Chong Siew Ying dan Nirmala Dutt Shanmughalingam mengisi ruang tahun 1998 dengan pameran mereka. VWFA telah bekerjasama dengan Yayasan AIDS Malaysia menganjurkan pameran amal. *Tolong* (1999) mengumpulkan pelukis tempatan, Singapura, Peru, Amerika Syarikat, Australia dan Mexico. *Two Women* (1999) adalah kombinasi Norma Abbas dan Nirmala Dutt Shanmughalingam mempamerkan karya-karya terbaru mereka. Mastura Abdul Rahman, Anthonie Chong Kah Leong dan Jolly Koh juga telah menjayakan pameran mereka pada 1999.

#### 4.4.16 Metro Fine Art

Metro Fine Art (1996) bermula di Petaling Jaya sebelum berpindah ke Legend Hotel. *Children of the Land* (1996) juga telah dilaksanakan oleh Metro Fine Art.

Metro Fine Art telah mengajurkan *A Sojourn Through Art Aspirations* (1997) yang berlangsung di Hotel Istana. Metro Fine Art mengakhiri operasinya pada 2013.

*Source of Water Grandeur* (1997) pula bertempat di Hotel Istana. Pameran berkumpulan yang seterusnya ialah *Myriad of Colours* (1997) di Legend Hotel. *My Promised Land* (1999) merupakan pameran Adeptura yang pertama dianjurkan oleh Metro Fine Art.

Metro Fine Art aktif menganjurkan pameran secara berkumpulan dan juga perseorangan. Menjadikan ruang pamerannya dipenuhi dengan karya kontemporari oleh pelukis-pelukis Malaysia, Vietnam, Indonesia, dan Myanmar.

#### 4.4.17 Rusli Hashim Fine Art

Rusli Hashim Fine Art telah menubuhkan sebuah galeri yang berfokus kepada karya-karya bertemakan alam sekitar. Dijenamakan sebagai Forest Gallery itu mula beroperasi pada 1996 bertempat di Hotel Hilton Kuala Lumpur.

Rusli Hashim Fine Art menganjurkan *Topeng Series* (1996) oleh Yusof Ghani. Mengiringi pameran ini ialah perlawanan buku *Yusof Ghani: Siri Tari Topeng* yang dokumentasikan karya-karya Yusof Ghani dari *Siri Tari* sehingga *Siri Topeng*.

Rafiee Abd. Ghani pula diberi ruang untuk mempamerkan karya-karyanya dalam *The Painted Garden* (1996) di Galeri Oriental Bank. *The Painted Garden* yang merekodkan karya-karya awalnya di era 1980an sehinggalah pertengahan 1990an.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menawarkan Rusli Hashim Fine Art untuk menguruskan Artist Colony di Tasik Perdana sebagai pusat seni lukis. Mulai 1997, Artist Colony menganjurkan pelbagai aktiviti seni lukis. Antaranya ialah *Treasures of the Rainforest* oleh Jaafar Taib dan Johan Marjonid.

Rusli Hashim Fine Art telah berjaya melancarkan satu lagi pameran Rafiee Abd. Ghani iaitu *The Garden Outside* (1999) di Hotel Hilton Kuala Lumpur beserta penerbitan dengan judul yang sama.

*Jai-Drawing with the Mind's Eyes* (1999) merupakan pameran Jalaini Abu Hassan di Pusat Kreatif, Balai Seni Lukis Negara. Sebuah penerbitan yang mendokumentasikan karya-karya awal di era 1980an sehinggalah 1990an juga diterbitkan.

#### 4.4.18 Gallery Tangsi Contemporary Art

Galeri ini ditubuhkan pada 1997 merupakan cetusan idea oleh Almarhum Y.A.M. Tunku Tan Sri Abdullah ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman (1925-2008) dimiliki oleh June Baharuddin.

Memberi tumpuan kepada penganjuran pameran oleh pelukis-pelukis kontemporari tempatan. "Tangsi" merujuk kepada nama jalan yang menempatkan premisnya. Ironiknya tangsi juga merujuk kepada tali nylon yang digunakan untuk menggantung karya-karya seni di dalam galeri.

Mulai 1998, Galeri Tangsi Contemporary of Art menganjurkan beberapa siri pameran antaranya ialah of *Allegory and Symbols*, *Malaysian-German Artists*, *Scream From Within*, dan *Nature*.

Pada tahun berikutnya *Malaysian-German Artists* (1999) terus dianjurkan. *Tangsi-Braunschweig Collaboration '99* pula menampilkan sejumlah pelukis dengan karya terbaik mereka.

#### 4.4.19 Shalini Ganendra Fine Art

Galeri ini telah ditubuhkan pada 1997 oleh Shalini Ganendra yang juga merupakan pengumpul seni dengan jenama The Private Gallery. Premis pertamanya ialah di Petaling Jaya.

Setahun kemudian ianya dijenamakan sebagai Shalini Ganendra Fine Art di lokasi berhampiran. Selain dari penganjuran pameran, Shalini Ganendra Fine Art turut menganjurkan program pertukaran seni. Pada 1998, *Monk Couture* iaitu pameran perseorangan oleh Anurendra Jegadeva telah dianjurkan.



#### **4.9.20 Jehan Chan Art Gallery**

Antara galeri seni komersil terawal membuka pintunya di bandar Melaka. Premis ini dihiasi dengan dekorasi fasad bergaya Straits Baroque. Ianya merupakan gabungan antara galeri, studio dan juga kediamannya.

#### **4.9.21 The Gallery @ Starhill**

Ditubuhkan pada 1998 oleh Chin Chin Liew, beroperasi di Starhill Gallery, Jalan Bukit Bintang. Setiap tahun The Gallery @ Starhill menganjurkan sekurang-kurangnya empat siri pameran setahun. Berkumpulan dan juga perseorangan. Mewakili pelukis-pelukis kontemporari dan juga bakat baru yang berpotensi untuk mencipta nama.

#### **4.9.22 Galeriizu**

Beroperasi pada 1998 di Hotel Shangri-La sebelum di Jalan Pinang. Antara pameran yang dijayakannya ialah *Kebun Sultan* (2002), oleh Rafiee Ghani dan *Pop Primitive* (2004), oleh Fauzulyusri.

#### **4.9.23 NH Lee Art Gallery**

Berpengalaman dari sebuah galeri seni komersil yang berjaya, Sally Lee bertekad untuk memiliki sebuah galerinya sendiri. NH Lee Art Gallery bermula di Jalan Imbi, sekitar tahun 1999. Setelah beberapa ketika berpindah ke lokasi baharu iaitu di Menara Pinang, Jalan Kia Peng. Memilih premis yang lebih sesuai di Ampang Hilir pada 2002 untuk meneruskan aktiviti perniagaannya.

### **5. KESIMPULAN**

Perkembangan industri kreatif semenjak era 1960 sehingga 1990 memberi satu gambaran bahawa ianya merupakan suatu perniagaan yang mencabar. Tempoh masa pengoperasian yang singkat berlaku kepada Galeri APS (2 tahun) dan Saujana Fine Art (4 tahun). Galeri Rupa bertahan selama lapan tahun dan Galeri Seni Samat beroperasi selama sepuluh tahun. Peningkatan yang mendadak pada 1980an menjadi 10 galeri berbanding hanya satu pada 1970an, dan terus meningkat ke 23 galeri pada 1990an, ini menunjukkan bahawa seni lukis tempatan sentiasa berkembang. Kebanyakan galeri yang ujud pada akhir 1980an dan 1990an dapat bertahan dan meneruskan kelangsungan dalam industri ini sehingga ke hari ini seperti Galeri Taksu, The Art Gallery dan The Gallery @ Starhill yang masih dibawah pengurusan yang sama kecuali The Art Gallery yang diuruskan oleh pewaris pengasasnya.

### **PENGHARGAAN**

Tiada penghargaan yang ingin dirakamkan dalam kajian ini.

### **PEMBIAYAAN**

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan dari mana-mana pihak.

### **SUMBANGAN PENULIS**

Semua pengarang menyumbang kepada penghasilan penulisan ini secara sama-rata.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan tiada potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, kepengarangan dan/atau penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Anu, J (2000). The Private Gallery: Anecdotes and short history in 3000 words. *10/2000*. Bangsar: Art Salon.
- Jamal, Syed Ahmad. (1989). An appreciation. *Yusof Ghani Tari*. 7-31 Mac 1989. GaleriCitra Kuala Lumpur.
- Khuan.T.C. (2015). *310 (Three-Ten) Malaysian Artists*. The Art Gallery: Penang
- Khuan.T.C. (2007). Pulau Pinang pusat seni utama di Malaysia. *Artist's Favourite. Karya pilihan pelukis, panduan pelukis Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Muzium & Galeri Pulau Pinang
- Mat Isa, Mohd Jamil. (2023). *Tracing And Tracking Malaysian Printmaking Exhibitions: 1960-2020*. Idealogy Journal.
- Mat Isa, Mohd Jamil. (2022). *Perkembangan Galeri Seni Persendirian di Malaysia: 1940-1960*. International Journal of Art & Design.
- Mat Isa, Mohd Jamil (2018). *Development of Style in Malaysian Printmaking: 1930 - 2000*. Thesis. UiTM: Faculty of Art & Design.
- Sulaiman, Pakharuddin. (2008). Sang pemburu mimpi. *Koleksi Saya- Rahime Harun*, Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara
- Said, Juhari (2008). AP Studio. *Koleksi Saya- Rahime Harun*, Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara
- Sabapathy, T.K. (1996). From Tari to Topeng: An artistic profile of Yusof Ghani. *Yusof Ghani- Siri Tari Topeng*. Kuala Lumpur: Rusli Hashim Fine Art.
- Zain, Ismail. (1991). Meditation on art market in Malaysia. *33 Years After ...* Julai 1991, Kuala Lumpur: Room at the Top.

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim  
Rektor  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

*Setuju.*

*27.1.2023*

**SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN**  
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PERAK  
KAMPUS SERI ISKANDAR

*nar*